



**INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA**  
*(Malaysian Agricultural Research and Development Institute)*

**IKLAN JAWATAN KOSONG**

**TARIKH BUKA IKLAN: 21 DISEMBER 2020**

MARDI sebuah Badan Berkanun di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia mempelawa warganegara Malaysia berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan berikut :-

**JAWATAN 3 : PEMBANTU KEMAHIRAN GRED H19**

**KLASIFIKASI** : Kemahiran (H)

**KUMPULAN** : Pelaksana

**TARAF JAWATAN** : Tetap/Kontrak (*Contract of Service*)

**PENEMPATAN** : Terengganu & Johor

**JADUAL GAJI** : Gred H19

**Gaji Minimum**

RM1,377.00

**Gaji Maksimum**

RM4,052.00

**1. SYARAT LANTIKAN** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

*(Gaji permulaan ialah pada Gred H19: RM1,377.00); atau*

(b) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

*(Gaji permulaan ialah pada Gred H19: RM1,435.12); atau*

(c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tunggal yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

*(Gaji permulaan ialah pada Gred H19: RM1,435.12); atau*

- (d) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

*(Gaji permulaan ialah pada Gred H19: RM1,493.24); atau*

- (e) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tiga yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

*(Gaji permulaan ialah pada Gred H19: RM1,493.24).*

**2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**3. SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN** : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Operator Loji, Pembantu Awam, Pembantu Operasi, Pemandu Kenderaan, Pemandu/Operator Jentera Pemungkah dan Penghantar Notis adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pembantu Kemahiran Gred H19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) had umur pelantikan:

(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

- 4. RINGKASAN TUGAS** : Bertanggungjawab dalam tugas-tugas sokongan teknikal di bangunan kerajaan iaitu memasang, membaik pulih, menyenggara, mengawasi serta menguji kenderaan/ jentera/ peralatan awam dan mekanikal, pemasangan elektrik, sistem elektrik, sistem perpaipan dan kumbahan supaya sentiasa dalam keadaan baik dan selamat.
- 5. KEUTAMAAN KEPADA CALON** (a) Berkebolehan dan berpengalaman dalam bidang perkayuan, elektrik dan mekanikal

**CARA MEMOHON:**

- i) Semua permohonan hendaklah dibuat secara atas talian melalui Sistem Permohonan Jawatan MARDI (e-jawatan) sepenuhnya dengan melayari <http://ejawatan.mardi.gov.my/>
- a. Mendaftar di Sistem Permohonan Jawatan MARDI (e-jawatan)**  
**b. Memohon jawatan yang berkaitan**
- ii) Semua permohonan hendaklah diisi dengan lengkap disertakan salinan dokumen yang diperlukan berserta dengan gambar formal terkini dan berukuran passport (Gambar swafoto/selfie tidak dibenarkan). **Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.**
- iii) Pemohon hendaklah mengemukakan maklumat perhubungan (nombor untuk dihubungi dan alamat emel) yang terkini.
- iv) Permohonan yang lewat diterima dan tidak mematuhi syarat yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Manakala, calon yang berkelayakan sahaja yang akan dipanggil untuk ditemuduga.
- v) Hanya calon yang layak selepas sesi tapisan sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga dan permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **enam (6) bulan** dari tarikh tutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

**TARIKH TUTUP IKLAN : 04 JANUARI 2021**

Sebarang pertanyaan boleh menghubungi talian 03-8953 7043/7037

**Peringatan:**

- i) Selain daripada syarat dan keutamaan yang dinyatakan di dalam iklan, calon yang memohon juga dikehendaki untuk mematuhi perkara berikut:
- a. Calon adalah sihat untuk berkhidmat;
  - b. Tidak mempunyai apa-apa rekod jenayah;
  - c. Tidak pernah dibuang kerja;
  - d. Bukan penagih dadah;
  - e. Tidak memiliki kewarganegaraan asing;
  - f. Bukan seorang bankrap;
  - g. Tidak dibersarakan atas sebab kesihatan; dan
  - h. Tidak pernah ditamatkan perkhidmatan dari perkhidmatan awam.
- ii) Calon yang dilantik perlu akur terhadap penempatan/tempat bertugas yang ditentukan dari semasa ke semasa demi kepentingan Institut.